

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.05.2026 MASA: 3.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

SESI **"TOWN HALL"** DIALOG BAJET MBSP 2027  
BERSAMA AHLI MAJLIS

TARIKH / MASA / TEMPAT

**21 MEI 2026 (KHAMIS)  
9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA, MBSP  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Shahrulnizad Bin Abdul Razak**

Pengarah Perbendaharaan Merangkap Penyelaras Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MBSP 2027 Bersama Ahli Majlis

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

***Bismillahir Rahmanir Rahim***

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,***

**Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,**

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MBSP 2027 Bersama Ahli Majlis** pada pagi yang penuh bermakna ini.
2. Saya, bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye** atas kesudian hadir bagi menyempurnakan pelancaran majlis yang penuh signifikan ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sesi “*Town Hall*” ini amat penting kerana ia menjadi platform untuk kita bersama-sama merangka hala tuju Bajet MBSP 2027 demi memastikan pembangunan Seberang Perai terus mampan, inklusif dan berdaya tahan.
5. Kita semua sedia maklum bahawa cabaran utama pada hari ini adalah bagaimana untuk mengimbangi antara sumber yang terhad dengan keperluan serta harapan rakyat yang semakin meningkat, *limited resources with unlimited needs and wants*. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, terutamanya kenaikan harga bahan api yang disebabkan oleh konflik di Timur Tengah, peningkatan kos operasi serta tuntutan perkhidmatan yang semakin kompleks, MBSP perlu bertindak dengan lebih bijaksana, strategik dan berhemah dalam setiap perancangan serta perbelanjaan.
6. Seperti yang kita ketahui dan disahkan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, harga bahan asas pembinaan utama telah menunjukkan corak kenaikan yang melambung pada April 2026. Oleh itu, beberapa bulan lagi kita mungkin akan mengalami peningkatan yang melonjak naik bagi harga bahan-bahan pembinaan tersebut.
7. Sebagai persediaan, MBSP telah mengambil langkah penjimatan yang tegas apabila beberapa projek dan program terpaksa ditangguhkan atau disusun semula demi memastikan kesinambungan

operasi serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terus terpelihara.

8. Oleh itu, bagi tahun 2027, MBSP akan memberi tumpuan kepada pendekatan *priority-based budgeting*, iaitu keutamaan diberikan kepada projek dan program yang benar-benar memberi impak kepada rakyat serta menyokong pembangunan Seberang Perai secara mampan dan inklusif.
9. Kita tidak boleh hanya memikirkan projek-projek yang berskala besar sahaja tetapi juga projek-projek kerjasama dengan agensi swasta atau NGO bagi berkongsi kos serta memberi impak atau kesan yang lebih efektif dari segi ekonomi masyarakat setempat dan lain-lain.
10. Oleh yang demikian, pada pagi ini, semua kena berfikir dan memberi idea bagaimana untuk memastikan operasi dan penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dalam kekangan peruntukan dan ekspektasi yang tinggi daripada rakyat.

Hadirin sekalian,

11. Bandaraya yang hebat bukan diukur pada bangunannya semata-mata, tetapi pada sejauh mana rakyatnya merasai kesejahteraan, didengari suaranya dan diyakini masa depannya.
12. Seramai 4,110 responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik input Bajet MBSP 2027. Ini membuktikan bahawa rakyat

Seberang Perai bukan sekadar mahu melihat pembangunan berlaku, tetapi mahu bersama-sama menyumbang idea dan membina masa depan bandaraya ini.

13. Saya percaya kekuatan sebenar sesebuah bandaraya bukan hanya terletak pada pembangunan fizikalnya, tetapi pada sejauh mana kita mampu menjaga kesejahteraan rakyat, memperkukuh perpaduan komuniti dan membina masa depan yang lestari untuk generasi akan datang.
14. Saya berharap bahawa kita semua lebih kepada perbincangan bersama untuk menyelesaikan sebarang masalah atau isu kerana kita adalah dalam satu organisasi yang sama.
15. Saya juga berharap semua Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan seluruh warga MBSP terus berganding bahu serta menggembeng tenaga dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan demi memastikan MBSP terus kekal relevan, progresif dan diyakini rakyat.
16. Saya yakin, dengan semangat kebersamaan dan iltizam yang tinggi, Seberang Perai akan terus melakar masa depan sebagai sebuah bandaraya yang bukan sahaja maju pembangunannya, tetapi juga tinggi nilai kemanusiaannya.
17. Semoga segala perancangan Bajet MBSP 2027 yang bakal dirangka akan menjadi pemangkin kepada kemajuan Seberang Perai yang

lebih mampan, berdaya tahan dan sejahtera selaras dengan aspirasi  
Penang2030 dan Malaysia MADANI.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah***

***Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***